

## PETIKAN PROSA TRADISIONAL

### LATIHAN 1 Asal Padi

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

Maka berkatalah induk semangnya, orang kayangan yang masih juga mencurigainya itu, “Baiklah, jikalau kamu ingin pulang ke kampung kamu, akan tetapi, sebelumnya itu saya akan memeriksa dan menggeledah kamu lebih dahulu. Barangkali ada padi yang disembunyikan untuk kamu bawa sebagai oleh-oleh ke bumi.”

Anak yatim piatu itu pun menjawab dengan tenangnya, “Silakan! Periksalah dengan teliti kalau-kalau ada apa-apa yang saya bawa. Sekarang saya sudah betul-betul *jera* mengambil apa-apa. Saya sungguh-sungguh sudah bertaubat dan tidak mahu lagi melakukannya.”

Kemudian induk semangnya berkata, “Jikalau benar demikian katamu, maka jelaslah bagi kami dan percayalah kami bahawa kamu betul-betul tidak akan mencuri padi kami lagi.”

Setelah induk semangnya berkata demikian, maka anak yatim piatu itu pun berangkatlah meninggalkan kayangan. Orang kayangan itu tidak mengetahui sama sekali bahawa anak yatim piatu yang kecil itu ada menyembunyikan padi di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya.

Dipetik daripada prosa tradisional ‘Asal Padi’, Antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berdasarkan petikan, mengapakah orang kayangan mencurigai anak yatim piatu itu?
  - A Anak yatim piatu itu tidak membenarkan dirinya diperiksa.
  - B Anak yatim piatu itu gemar menggeledah barang kepunyaan orang kayangan.
  - C Anak yatim piatu itu menyembunyikan padi di dalam lubang luka pada tumitnya.
  - D Anak yatim piatu itu pernah mencuri padi orang kayangan.
2. Maksud perkataan *jera* dalam petikan prosa tradisional di atas ialah
  - A serik.
  - B malu.
  - C seram.
  - D derita.
3. Barangkali ada padi yang disembunyikan untuk kamu bawa sebagai oleh-oleh ke bumi.

Apakah gaya bahasa yang terdapat dalam pernyataan di atas?

- A Simile
  - B Kata ganda
  - C Hiperbola
  - D Sinkope
4. Latar tempat yang terdapat dalam petikan prosa tradisional di atas ialah
    - A di sawah.
    - B di sungai.
    - C di kayangan.
    - D di kolam ikan.
  5. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** berdasarkan petikan prosa?
    - A Orang kayangan curiga akan anak yatim piatu dan yakin bahawa ada padi yang disembunyikan di dalam mulutnya.
    - B Anak yatim piatu membenarkan orang kayangan memeriksa kakinya yang luka sebelum pulang ke bumi.
    - C Orang kayangan membatalkan hasratnya untuk memeriksa anak yatim piatu itu setelah yakin akan kata-katanya.
    - D Anak yatim piatu sudah tidak mencuri padi lagi lalu dia dibenarkan untuk pulang ke bumi.